

Makam Almarhum Sultan Perak pertama di-buka

SEJARAH dinasti Raja2 Perak mulai kira2 tahun 1530 terhurai hari ini dalam upacara pembukaan papan kenyataan Makam di-Raja di-Telok Bakong — makam Almarhum Sultan Mudzaffar Shah 1 Sultan Perak yang pertama.

Dan turut hadir di-upacara itu pagi tadi ia-lah Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallah Shah.

Sejarah dinasti itu telah di-huraikan oleh Haji Hamdan bin Sheikh Tahir. Ketua Penasihat Pelajaran dan juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia. Cherita-nya:

"Sa-belum makam diraja Bukit Chandan (Kuala Kangsar) di-dirikan oleh Almarnum Sultan Idris, Sultanz Perak telah di-makamkan di-kampung2 di-sepanjang tebing Sungai Perak—dari Kota Lama di-utara sampai ka-durian Sa-latang di-selatan."

Semenjak tertuboh-nya dinasti Raja2 Perak kira2 tahun 1530 hingga pembukaan Bukit Chandan, sa-ramai 26 orang Sultan telah memerintah negeri Perak ini.

Kesemua Sultan itu telah di-makamkan di-tebing Sungai Perak, kecuali empat orang ia-itu Almarhum Sultan Mukadam Shah (Sultan yang keenam) dan Almarhum Sultan Salehuddin (Sultan yang ke-9) yang di-makamkan di-Acheh.

Manakala Sultan yang ketujuh, Almarhum Sultan Mansor Shah II dan Sultan yang ke-25, Almarhum Sultan Ismail telah di-makamkan di-Johor.

Makam2 itu terdapat di-Kota Lama Kanan, Bota Kanan (di-Simpang Empat dan Kampung Selat), Ayer Mati (Telok Bakong) dan Pulau Tiga serta Geronggong.

Sultan yang mula2 membuka negeri Perak dan berkerajaan di-negeri Perak ia-lah Sultan Mudzaffar Shah 1.

Harapan

Sa-telah Sultan Mahmud Melaka di-kalahkan oleh Portugis pada tahun 1511 Baginda pun berundur ka-Ulu Muar.

Dari sana Baginda berangkat ka-Pahang dan akhir-nya terus ka-Bentan. Sa-orang dari putera Baginda, Raja Mudzaffar Shah telah di-lahirkan di-Melaka lebeh

TELOK BAKONG, Sabtu

kurang dalam tahun 1505.

Manakala Sultan Mahmud mangkat pada tahun 1528. Raja Mudzaffar Shah pun terhalau dari Kampar lalu Baginda pun berpindah ka-Siak.

Kemudian Baginda berangkat ka-Kelang, Selangor dan dari Kelang akhir-nya Baginda sampai ka-Perak.

Di-Perak Baginda berperang dengan Tan Saban, sa-orang pemerintah di-Ulu Perak.

Baginda dapat mengalahkan Tan Saban dan akhir-nya Baginda dilantik oleh Tan Saban dengan orang2 besar Perak menjadi Yang di-Pertuan negeri Perak berselar Sultan Mudzaffar Shah 1.

Peristiwa ini berlaku pada lebeh kurang tahun 1530.

Sa-telah merentah beberapa lama, Baginda pun mangkat lalu di-makamkan di-Telok Bakong atau Tanah Abang (Ayer Mati). Baginda inilah yang bergelar "Marhum Tanah Abang."

Baginda telah beristerikan Tun Terang dan berputerakan. Raja Mansor yang di-tabalkan pula menjadi Sultan Perak bergelar Sultan Alauddin (Sultan Mansor Shah), Sultan Perak yang kedua.

Gelaran2

Ibukota Baginda ia-lah Kota Lama Kanan di-mana Baginda mangkat dan di-makamkan.

Istana Sultan Perak maseh memelihara pusaka2 yang di-warithi dari Almarhum Sultan Mudzaffar Shah.

Juga banyak dari gela-

SEJARAH DINASTI RAJA2 MELAYU DI-ZAMAN YANG SILAM TERHURAI

kita dan sudah sewajarnya kita merasa bangga dengan-nya sama saperti orang2 di-negeri lain membanggakan kebuda-yaan mereka."

Demikian kesah Haji Hamdan Tahir mengenai dinasti raja2 Perak.

Kata-nya, amat sadistik yang di-ketahui mengenai sejarah negeri Perak sa-bellum sampai-nya pen-jajah Inggeris.

Berundor

Beliau berharap ahli akeologi, sejarah, pelajar2 Universiti dan kolej2 serta yang chenderong ka-pada sejarah akan sama2 mengumpulkan bahan2 lama yang belum lagi di-ketahui, um pam a-nya mengenai sejarah Bruas di-zaman purba.

Negeri Perak kaya dengan bekas2 peninggalan sejarah, tetapi sayang ba-nyak telah terblar dan di-lupakan, kata-nya lagi.